



suara ePerolehan

Oktober 2002 | Fasa 3 | Edisi 3

Sidang Editor:
 En Cheong Beng Seng
 En Wan Mohd Danil
 Pn Jaya Nair
 Pn Salina Isa
 Cik Hasfa Reny

Grafik & Rekabentuk:
 En Azman Fahmi
 Cik Hasfa Reny

“Bagi perkhidmatan ePerolehan, setakat ini perkhidmatan yang telah dilancarkan ialah pendaftaran bagi pembekal, perolehan melalui Kontrak Pusat dan Pembelian Terus. Menjelang tahun 2003, dua lagi jenis perolehan akan dilancarkan iaitu perolehan melalui Tender dan Sebutharga. Dengan pelaksanaannya, Malaysia akan menjadi negara pertama di dunia berjaya membuat perolehan sepenuhnya secara elektronik, termasuk pembayaran melalui *electronic fund transfer*. ”

Petikan ucapan YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad,
 Perdana Menteri Malaysia semasa Bajet 2003

ePerolehan di Ekspo MSC 2002



YAB Tan Sri Koh Tsu Koon, Ketua Menteri Pulau Pinang dan YB Datuk Amar Leo Moggie, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia sedang mendengar taklimat ePerolehan.

Sempena Minggu Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Kebangsaan, Ekspo MSC telah dilangsungkan di MINES Exhibition Centre, Kuala Lumpur pada 3 hingga 6 September 2002. Ekspo anjuran Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia serta Multimedia Development Corp Sdn. Bhd. (MDC) ini membenarkan syarikat-syarikat ICT tempatan dan luar negara memperkenalkan produk dan perkhidmatan masing-masing.

Unit ePerolehan juga telah turut serta memperkenalkan aplikasi perolehan secara elektronik. Antara yang menarik kali ini ialah demonstrasi Modul Prototaip Sebutharga dan Tender yang bakal dilaksanakan kelak dan modul-modul sedia ada seperti Pembelian Terus, Kontrak Pusat dan Pendaftaran Pembekal.

Antara yang hadir menyaksikan demonstrasi ini adalah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-XII, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan YB Datuk Amar Leo Moggie, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Selain daripada itu, delegasi-delegasi daripada Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Peguam Negara, International Advisory Panel (IAP) dan Kementerian Telekomunikasi Indonesia juga turut hadir ke kaunter ePerolehan untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang Projek ePerolehan.

Dua siri seminar ePerolehan juga telah diadakan untuk memberikan penerangan tentang perkembangan dan faedah ePerolehan kepada para pengguna dan pembekal Kerajaan. Ia juga bertujuan untuk menarik minat lebih ramai pembekal Kerajaan untuk mendaftar dengan ePerolehan.

Pameran dan seminar ePerolehan di Ekspo MSC 2002 tersebut telah menerima sambutan yang menggalakkan bukan sahaja daripada orang perseorangan yang berkunjung ke ekspo tersebut malah dari syarikat-syarikat tempatan yang berminat dengan pembangunan sistem ePerolehan.



Seminar pembekal Kerajaan di seluruh Semenanjung

ePerolehan yang merupakan antara aplikasi utama dan terbesar dalam merealisasikan visi Kerajaan Elektronik membenarkan para pembekal Kerajaan mengendalikan urusniaga atas talian untuk meningkatkan dayasaing dan produktiviti perniagaan. Untuk tujuan tersebut, para pembekal perlu mengemukakan katalog produk dan perkhidmatan mereka untuk dimuatkan ke dalam sistem ePerolehan supaya para pengguna Kerajaan di Pusat-Pusat Tanggjawab (PTJ) boleh melayari produk dan perkhidmatan yang ditawarkan untuk membuat perolehan.

Untuk mendapatkan komitmen dan menggalakkan penglibatan daripada para pembekal, sistem ePerolehan perlu diperkenalkan terlebih dahulu kepada para pembekal Kerajaan melalui seminar pembekal. Beberapa siri seminar telah diadakan pada bulan Mei, Jun dan Julai yang lalu. Pasukan ePerolehan telah melawat ke beberapa buah negeri seperti Melaka, Johor, Perak, Kedah, Pulau Pinang, Terengganu, Pahang, Kelantan dan Selangor.



Para pembekal Kerajaan menumpukan perhatian kepada taklimat ePerolehan.

Sambutan yang diterima daripada sesi seminar pembekal ini adalah menggalakkan di mana sejumlah 1175 pembekal Kerajaan telah turut serta. Para pembekal telah diberikan penerangan tentang sistem ePerolehan dan pelbagai faedah yang ditawarkan seperti penjimatan kos dan ketulusan urusniaga atas talian. Selain daripada itu, pakej-pakej istimewa juga turut ditawarkan kepada para pembekal untuk penciptaan katalog produk dan perkhidmatan elektronik.

Di samping itu, kursus-kursus tentang modul Pendaftaran Pembekal, Kontrak Pusat dan Pembelian Terus juga diberikan kepada para peserta. Menerusi seminar ini, diharapkan matlamat untuk memastikan 30,000 pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dapat menggunakan sistem ePerolehan tercapai.

Taklimat ePerolehan di Kementerian Pembangunan Usahawan & MATIC

Pada 21 Ogos 2002, bertempat di Bilik Gerakan Kementerian Pembangunan Usahawan telah diadakan satu taklimat ePerolehan. Antara pegawai-pegawai kanan yang hadir di taklimat itu termasuklah Y.Bhg. Dato' Hj. Abdul Majid Bin Hj. Hussein, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Operasi dan Y.Bhg. Datuk Zakiah Hashim, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Usahawan. Penerangan mengenai ePerolehan dan demonstrasi modul Kontrak Pusat dan Pembelian Terus telah diadakan di taklimat tersebut.



Sebahagian daripada para peserta yang menghadiri Taklimat ePerolehan.



Duduk di barisan hadapan dari kiri, En. Abd. Rahman Bin Ismail, Penolong Timbalan Presiden, Commerce Dot Com Sdn. Bhd., Encik Daing Abd. Rahman Bin Daing Ibrahim, Timbalan Ketua Setiausaha (Kanan), Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancungan dan En Abdullah Bin Ismail, Pengarah Unit ePerolehan, menghadiri taklimat ePerolehan di Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancungan.

Pada 10 September 2002 pula, satu lagi taklimat telah diadakan di Mini Auditorium, Pusat Pelancungan Malaysia (MATIC), Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancungan. Majlis tersebut turut dihadiri oleh Encik Daing Abd. Rahman Bin Daing Ibrahim, Timbalan Ketua Setiausaha (Kanan), Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancungan.

Pelaksanaan ePerolehan di 600 Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Modul-modul Kontrak Pusat dan Pembelian Terus sedang giat dilaksanakan di 600 PTJ di Lembah Klang dan Selangor. Proses ini bermula dari bulan Oktober hingga penghujung bulan Disember, 2002. Beberapa aktiviti ke arah pelaksanaan ePerolehan telah pun diadakan, antaranya termasuklah mengadakan taklimat kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian termasuklah Kementerian Pertahanan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Penerangan, Kementerian Pertanian, Kementerian Dalam Negeri dan lain-lain Kementerian yang telah dikenalpasti.



Antara pengguna-pengguna PTJ yang hadir di taklimat.



Pn Andak Sopiah Md Zin, Timbalan Pengarah Unit ePerolehan, sedang mempergerusikan taklimat kepada pengguna-pengguna PTJ.

Satu taklimat yang telah dipengerusikan oleh Y. Bhg. Dato' Haji Abdul Majid bin Haji Hussein (Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan – Operasi) telah pun diadakan pada 7 Oktober, 2002 di Jabatan Perdana Menteri. Taklimat kedua pula telah diadakan di tempat yang sama pada 9 Oktober, 2002 dan telah dipengerusikan oleh Puan Andak Sopiah Md Zin, Timbalan Pengarah Unit ePerolehan. Taklimat pertama adalah untuk pengurusan tertinggi di peringkat Kementerian, manakala taklimat kedua ditujukan kepada pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dalam urusan perolehan Kerajaan. Pada 14-18 Oktober, 2002 pula, pasukan ePerolehan telah mengadakan bengkel di peringkat Kementerian untuk memberi penjelasan kepada semua bakal pengguna ePerolehan di setiap PTJ yang telah dikenalpasti.

Pelancaran Pusat Aplikasi Perdana MSC (MSC Flagship Centre)

Sebagai sokongan kepada proses pembangunan e-Dagang, Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. (MDC) telah melancarkan Pusat Aplikasi Perdana MSC bersempena dengan Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) di Cyberjaya pada 6 September, 2002. Pelancaran ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia. Pusat ini terdiri daripada dua komponen iaitu *MSC Laboratory* dan *Center for Health Innovation and Medical Enterprises* (CHIME). *MSC Laboratory* yang bertempat di Cyberjaya bertindak sebagai tempat bagi syarikat-syarikat ICT tempatan khususnya yang mempunyai status MSC untuk memamer dan memasarkan produk dan perkhidmatan mereka serta menggalakkan perkembangan e-Inovasi semasa. CHIME pula berfungsi sebagai pusat R&D untuk perkhidmatan kesihatan yang akan menyokong aplikasi perdana tele-kesihatan.

ePerolehan tidak ketinggalan memperkenalkan modul Kontrak Pusat dan Pembelian Terus yang telah berjaya dilaksanakan serta prototaip yang bakal dilaksanakan di atas *Open Source System* (OSS). Kerja-kerja pembangunan ePerolehan dalam versi Sistem Sumber Terbuka sedang giat dijalankan masa kini selaras dengan usaha Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan Perisian Sumber Terbuka (*Open Source Software*).

Pendekatan baru yang bersifat lebih dinamik dan proaktif ini diyakini dapat melindungi hak hartabenda intelektual di samping memastikan kos pelaksanaan sistem ePerolehan adalah rendah. Tahap perkembangan ini juga menggambarkan kemajuan yang dicapai oleh sistem ePerolehan untuk melaksanakan perniagaan tanpa kertas di kalangan pengguna Kerajaan dan pembekal.



“Tele-Enablement”



Tele-enablers sedang memberikan penerangan kepada pembekal Kerajaan mengenai ePerolehan dan promosi muatnaik katalog elektronik yang ditawarkan.

Satu inisiatif untuk menggalakkan pembekal-pembekal baru menyertai ePerolehan telah dirangka dan dilaksanakan pada pertengahan bulan Ogos yang lalu. Tujuan galakan ini adalah untuk memastikan yang pembekal-pembekal Kerajaan memuatnaikkan katalog-katalog produk dan perkhidmatan mereka ke dalam sistem ePerolehan. Dengan adanya katalog-katalog produk dan perkhidmatan ini, pengguna Kerajaan boleh membuat banyak pilihan untuk perolehan mereka.


Inisiatif tersebut melibatkan penubuhan empat kumpulan ‘tele-enablers’ di mana kumpulan-kumpulan ini diberi tugas untuk menelefon senarai pembekal yang telah diberikan kepada mereka dan memastikan bahawa pembekal-pembekal tersebut memuatnaikkan katalog produk dan perkhidmatan mereka ke dalam sistem My Katalog yang kemudiannya akan dimuatnaikkan ke dalam sistem ePerolehan.

Pembekal-pembekal yang dikenalpasti adalah dari Lembah Klang dan kebanyakan mereka juga telah pun mengetahui tentang ePerolehan dari seminar-seminar dan juga risalah-risalah yang diedarkan tetapi belum lagi mengambil tindakan untuk memuatnaikkan katalog mereka ke dalam ePerolehan. Sebagai insentif tambahan, 10 katalog pertama dimuatnaikkan secara percuma.

Hasil yang didapati dari inisiatif tersebut adalah menggalakkan. Seramai 541 pembekal telah menyenaraikan 4000 katalog produk dan perkhidmatan mereka untuk diproses.



Tele-enabler menghubungi pembekal untuk mendapatkan katalog produk dan perkhidmatan.



Sebarang pertanyaan atau aduan, sila hubungi:
**Unit Khidmat Bantuan Pelanggan
(Customer Service)**
Commerce Dot Com Sdn Bhd
Blok Enggang, Cyberview Gardens
63000 Cyberjaya
Tel: 03 8312 2626
Faks: 03 8318 2488
Emel: bantuan@eperolehan.com.my